

JANUARI 2016

JPS Updates



Jasamu Dikenang

DATO' SRI Ir. ZAINOR RAHIM BIN IBRAHIM

13 OGOS 1979 - 26 JANUARI 2016



**MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR
RASUL PERINGKAT
JPS MALAYSIA
m/s 06**



**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN
CERLANG 2015 & JASAMU
DIKENANG JPS MALAYSIA
m/s 05**



**MAJLIS PERASMIAN BANGUNAN
BARU PROJEK LEMBANGAN
SUNGAI KLANG (PLSK)
m/s 07**



@OneJPS

www.water.gov.my

Jasamu Dikenang **YBHG. DATO' SRI Ir. ZAINOR RAHIM BIN IBRAHIM**

*Sudah teradat si anak lelaki,
Mati berjuang, berundur jangan,
Berani kami menjunjung adat,
Bukan memberi kata dan puji,
Hanya budi dalam ingatan,
Buat kenangan sepanjang hayat.*

Dilahirkan pada 27 Januari 1956, anak jati kelahiran Hilir Perak, Perak Darul Ridzuan ini memulakan karier beliau sebagai Jurutera di JPS Negeri Selangor pada 13 Ogos 1979 dan telah berkhidmat di beberapa JPS Negeri dan projek di Kedah, Kelantan, Pahang dan seterusnya di beberapa bahagian bermula pada tahun 2004. YBhg. Dato' Sri Ir. Zainor Rahim bin Ibrahim telah dilantik sebagai Ketua Pengarah JPS Malaysia pada 23 Mac 2015 selepas memegang jawatan penting di JPS sebagai Timbalan Ketua Pengarah JPS Malaysia II (Sektor Pakar).

Beliau menuai bakti, jasa serta pengorbanan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab beliau sepanjang perkhidmatan beliau di Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia.

Setelah berkhidmat selama 37 tahun di JPS Malaysia, tanggal 26 Januari 2016 merupakan tarikh persaraan beliau sebagai KP JPS Malaysia. Jutaan terima kasih YBhg. Dato' Sri Ir. Zainor Rahim bin Ibrahim di atas khidmat beliau dalam menerajui JPS Malaysia sebagai Ketua Pengarah JPS Malaysia. Usaha dan komitmen beliau akan terus tersemat dihati seluruh warga JPS Malaysia.



MAJLIS SULAMAN KASIH, SANJUNGAN BUDI



PERJALANAN SUKA DUKA

Dato' Sri Ir. Zainor Rahim Bin Ibrahim

PENDIDIKAN

Tahun 1975 : Ordinary National Diploma (Oxford College of Further Education)
 Tahun 1979 : B.Sc Civil Engineering (University of Loughborough, England)
 Tahun 1993 : M.Sc Civil Engineering (University of Southampton, United Kingdom)
 Tahun 2000 : Certified Professional in Erosion and Sediment Control (CPESC - USA)

ANUGERAH YANG DITERIMA

Tahun 1994 : Bintang Cemerlang Kedah (BCK) Negeri Kedah
 Tahun 2000 : Darjah Kebesaran Sultan Ahmad Shah Pahang (A.A.P) Negeri Pahang
 Tahun 2002 : Anugerah Khidmat Cemerlang JPS Pahang
 Tahun 2004 : Anugerah Khidmat Cemerlang Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani
 Tahun 2006 : Anugerah Khidmat Cemerlang JPS Malaysia
 Tahun 2010 : Darjah Indera Mahkota Pahang (D.I.M.P) Negeri Pahang
 Tahun 2015 : Darjah Kebesaran Sultan Ahmad Shah Pahang Yang Amat Mulia, Peringkat Pertama Sri Sultan Ahmad Shah Pahang (S.S.A.A.P) (Membawa gelaran Dato' Sri. Negeri Pahang)



LAWATAN KERJA TIMBALAN MENTERI KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR KE TERENGGANU

Bertempat di Pejabat Daerah Kemaman telah diadakan satu lawatan kerja yang dihadiri oleh YB Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar pada 11 Januari 2016. Lawatan ini diadakan bagi meninjau projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Kemaman, Kemaman, Terengganu.



LAWATAN TIMBALAN MENTERI KE RTB LEMBANGAN SG. MUAR DI SEGAMAT

Pada 8 Januari 2016, YB Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar telah menghadiri lawatan ke Projek RTB Lembangan Sg. Muar yang diadakan di JPS Daerah Segamat, Johor.

Turut hadir bersama YB Datuk Haji Ayub bin Rahmat, Ahli Dewan Undangan Negeri Johor Kawasan Kemelah, YB Anuar bin Manap, Ahli Parlimen Sekijang, Ir. Nor Hisham bin Mohd Ghazali, Pengarah JPS Negeri Johor, En. Chiam Shiun Shu, Jurutera Daerah JPS Segamat serta beberapa pegawai JPS Malaysia. Lawatan ini bertujuan meninjau projek yang dijalankan di bawah RTB Lembangan Sg. Muar.





YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar telah menyempurnakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Dan Jasamu Dikenang Tahun 2015 yang berlangsung di Auditorium JPS Ampang pada 21 Januari 2016.

Turut hadir ialah YB Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, YBhg. Dato' Sri Azizan Bin Ahmad, Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, YBhg. Dato' Sri Ir. Zainor Rahim bin Ibrahim, Ketua Pengarah JPS Malaysia, YBhg. Dato' Ir. Hj. Mohd. Abdul Nassir bin Bidin, Timbalan Ketua Pengarah I (Sektor Bisnes), YBhg. Dato' Ir. Haji Zulkefli bin Hassan, Timbalan Ketua Pengarah II (Sektor Pakar), dan Pengarah-Pengarah Bahagian.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada 94 penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan pegawai-pegawai yang akan bersara pada tahun ini semoga menjadi pendorong dan motivasi kepada mereka untuk terus menyumbang dalam mempertingkatkan prestasi jabatan dan mencapai kejayaan yang lebih besar pada masa akan datang.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada semua pegawai yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menyempurnakan majlis ini.

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2015 & JASAMU DIKENANG JPS MALAYSIA

SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT JPS MALAYSIA

Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1437H/2015M peringkat JPS Malaysia telah berlangsung pada 19 Januari 2016 di Auditorium JPS Ampang. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Ir. Zainor Rahim bin Ibrahim, Ketua Pengarah JPS Malaysia dan turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Hj. Mohd. Abdul Nassir bin Bidin, Timbalan Ketua Pengarah I (Sektor Bisnes), Pengarah-Pengarah Bahagian serta warga JPS.



PELANCARAN PELAN STRATEGIK TEKNOLOGI MAKLUMAT (PSTM) JPS MALAYSIA [2016-2020]

Pelancaran Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) ini telah diadakan serentak di dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada 21 Januari 2016. Pelan ini mengandungi halatuju dan garis panduan pelaksanaan projek ICT JPS bagi tempoh lima (5) tahun dari 2016 hingga 2020 iaitu tempoh RMKe-11, dan yang paling penting merupakan tempoh terakhir dalam usaha mencapai matlamat Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia negara maju dalam semua aspek dan tranformasi kepada Kerajaan Digital.

Berlandaskan tema RMKe-11 "Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat" dengan Enam Strategi Tumpuan iaitu Inklusiviti, Kesejahteraan Rakyat, Modal Insan, Pertumbuhan Hijau, Infrastruktur serta Inovasi dan Produktiviti, JPS tidak terkecuali memberi fokus kepada inisiatif untuk meningkatkan dan memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan bagi kesejahteraan rakyat dengan penggunaan inovasi dan produktiviti. Pelbagai program dan projek perlu dilaksanakan bagi memenuhi espektasi rakyat yang mahu perkhidmatan yang cepat, cekap, berkesan, mudah dan murah.

Pembangunan PSTM ini juga adalah sejajar dengan Dasar Sumber Air Negara, Pelan Strategik JPS 2016-2020, Pelan Transformasi JPS dan Pelan Induk Geografi Bersepadu (GIS) JPS 2014-2018 sedia ada bagi menghasilkan PSTM JPS yang komprehensif.



LAWATAN TAPAK OLEH TIMBALAN KETUA PENGARAH ICU JPM KE RTB SG KERIAN, PERAK

Pada 25 Januari 2016 telah diadakan lawatan tapak oleh YBhg. Dato' Haji Hadzir bin Md. Zin, Timbalan Ketua Pengarah Sektor Pusat Tranformasi Penyampaian, ICU, Jabatan Perdana Menteri di Pejabat Tapak, RTB Lembangan Sg Kerian.

Turut hadir bersama Ir. Mohd. Abu Bakar bin Othman, Pengarah JPS Negeri Kedah, Ir. Haji Ahmad bin Darus, Timbalan Pengarah, Bahagian Pengurusan Banjir JPS Malaysia, Ir. Baharuddin bin Abdullah, Timbalan Pengarah JPS Negeri Kedah, Ir. Wan Hasitiaziah binti Mohd Hassan, Jurutera Projek RTB Sg. Kerian dan Mohd Idrus bin Amir, Jurutera Daerah JPS Kulim/Bandar Baharu.



MAJLIS PERASMIAN BANGUNAN BARU PROJEK LEMBANGAN SUNGAI KLANG (PLSK)



Pada 19 Januari 2016, telah berlangsungnya Majlis Perasmian Bangunan Baru Projek Lembangan Sungai Klang (PLSK) yang telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Ir. Zainor Rahim bin Ibrahim, Ketua Pengarah JPS Malaysia. Turut hadir bersama YBhg. Dato' Ir. Hj. Mohd. Abdul Nassir bin Bidin, Timbalan Ketua Pengarah I (Sektor Bisnes), YBhg. Dato' Ir. Haji Zulkefli bin Hassan, Timbalan Ketua Pengarah II (Sektor Pakar), dan Yang Berusaha Ir. Hj. Ab. Qahar bin Osman, Pengarah Kanan (Sektor Pengurusan) dan Pengarah-Pengarah Bahagian.



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PUSPANITA JPS MALAYSIA KALI KE-32

Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA JPS Malaysia kali ke-32 telah diadakan pada 22 Januari 2016 di Auditorium JPS Ampang. Majlis telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Ir. Hj. Mohd. Abdul Nassir bin Bidin, Timbalan Ketua Pengarah I (Sektor Bisnes) dan telah dihadiri oleh 120 orang ahli PUSPANITA JPS Malaysia.

Majlis telah diserikan dengan demonstrasi "Make Over" oleh Pn. Shafizawati binti Nazirrudin dan aneka jualan yang dikendalikan oleh ahli sendiri.



SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

YBhg. Dato' Ir. Zainar Rahim bin Ibrahim

PENYELARAS

Ir. Haji Ab. Qahar bin Osman

KETUA EDITOR

Ir. Haji Nishad Mohamed Bin Haji C.j. Mohd. Shaffy

EDITOR

Yuslina Binti Mohd Sani

PENOLONG EDITOR

Hayati binti Zainal
Suriani binti Hassan
Noraini Binti Samsudin
Noor Asmihan Binti Abd Wahab

SUMBANGAN BERITA OLEH

Bahagian Korporat
Bahagian Pengurusan Maklumat
Bahagian Khidmat Pengurusan
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Bahagian Projek Khas
PUSPANITA JPS

DITERBITKAN DAN DIREKAGRAFIK OLEH

Bahagian Korporat
Jabatan Pengairan dan Saliran, Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50626 Kuala Lumpur

Sebarang maklumat dan berita serta gambar-gambar untuk keluaran akan datang boleh dihantar kepada kami melalui :

Email : yati@water.gov.my
No. Tel : 03-2615 1765

Email : suriani.hassin@water.gov.my
No. Tel : 03-2616 1449

Email : noraini_s@water.gov.my
No Tel : 03-2616 1461



MESYUARAT PERANCANGAN RANCANGAN KERJA TAHUNAN (RKT) BPMT TAHUN 2016

Pada 26 hingga 27 Januari 2016, Bahagian Pembangunan Modal Insan telah menganjurkan satu Mesyuarat Perancangan Kerja Tahunan (RKT) bagi tahun 2016 yang telah diadakan di IPMI Zon Utara, Ipoh, Perak.

Mesyuarat ini telah dihadiri oleh 20 orang pegawai pengurusan dan profesional dari BPMT. Di akhir mesyuarat ini satu Rancangan Kerja Tahunan 2016 yang komprehensif dan mantap telah dihasilkan.

